

JPS usaha atasi masalah banjir

Batu sangkar dipasang untuk kurangkan hakisan, lancar pergerakan air sungai

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengambil langkah memasang batu sangkar dan melancarkan pergerakan air sungai Gombak di Batu 8 di sini untuk mengurangkan hakisan sungai serta mengatasi masalah banjir.

Jurutera JPS Gombak, Ir Mohd Fuad Buang berkata, pelebaran sungai, pemasangan batu sangkar dan mengorek mendapan sudah dibuat namun tidak dapat mengatasi masalah secara total.

Menurutnya, cadangan melancarkan aliran sungai dengan meluruskan tebingnya adalah langkah terbaru yang bakal di ambil untuk mengatasi masalah penduduk yang bimbang berlaku banjir setiap kali hujan

lebat.

"Hasil turun padang ke lokasi semalam mendapati tebing sungai tidak dilengkapi kemudahan secukupnya dan hanya beberapa tempat diletakkan batu sangkar, menyebabkan gagal menampung aliran air deras," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Mohd Fuad berkata, terdapat beberapa kekangan yang menyebabkan permasalahan itu gagal diatasi sepenuhnya dan sering berulang.

Katanya, dianggarkan lebih 200 rumah berada di rizab sungai antara Batu 8 hingga Batu 11 menyebabkan JPS menghadapi masalah untuk menjalankan kerja naik taraf dan pembersihan.

"Selain itu, faktor tanah yang merupakan tanah liat me-

mudahkan dan mempercepatkan lagi hakisan hingga jarak sungai dengan rumah penduduk semakin hampir," katanya.

Beliau berkata, bagaimana pun masalah tersebut akan dipantau dan kerja-kerja menaik taraf serta pembaikan adalah bergantung kepada peruntukan memandangkan kawasan lebih kritikal akan diberi keutamaan.

Sementara itu, salah seorang penduduk, Salmah Abdul Rashid berkata, kerja pembersihan dilakukan di sungai berkenaan oleh JPS Ahad lalu namun masih gagal mengatasi masalah banjir di situ.

"Ahad lalu kerja-kerja pembersihan sungai dibuat tetapi sehari selepas itu, disebabkan hujan lebat rumah penduduk dinaiki air lagi," katanya.



Mohd Fuad (tengah) menjelaskan punca yang menyebabkan berlakunya banjir.